

# ‘Najib arah Raja Petra serang peribadi saya’

## Husni dakwa jadi sasaran kes pelaburan RM4.17 bilion di Dewan Rakyat

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali, Farah Marshita Abdul Patah dan Fatin Hafizah Mohd Shahar  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, mendedahkan Datuk Seri Najib Razak mengarahkan penulis blog, Raja Petra Kamarudin, melakukan serangan peribadi terhadap beliau dan anak lelakinya.

Pendedahan itu dibuat Ahmad Husni dalam keterangannya pada perbicaraan kes SRC International Sdn Bhd yang dihadapi Najib di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi, Mohd Nazlan Mohd Ghazali, yang masuk hari ke-50.

Ketika menjawab soalan Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib, bilakah serangan itu dilakukan, Ahmad Husni menjawab: “Oktober 2016.”

Muhammad Shafee: Bila anda dapat idea bahawa Najib dalam di sebalik tuduhan gangguan seksual dibuat terhadap anda?

Ahmad Husni: Selepas saya berucap di Parlimen pada 2016 (merujuk kepada insiden Dewan Rakyat ketika beliau menuntut

penjelasan berkenaan unit pelaburan bernilai AS\$1 bilion (RM4.17 bilion) dalam Aabar Investment PJS Ltd).

Muhammad Shafee: Selepas itu Najib timbulkan idea itu?

Ahmad Husni: Bukan timbulkan idea, saya tahu dia buat. Selepas kejadian itu, saya berada di rumah. Kemudian Ketua Setiausaha Sulit Najib, Tan Sri Shukry Mohd Salleh, datang ke rumah kira-kira jam 10 malam. Shukry beritahu, susah untuk cari rumah saya, namun disebabkan arahan Najib, beliau terpaksa pergi mencari saya. Saya dimaklumkan oleh Shukri bahawa Najib ingin berjumpa saya malam itu juga. Saya maklumkan kepadanya saya penat. Shukry kemudian memberitahu Najib sudah menghubungi Raja Petra dan esok mereka akan menyerang saya.

Muhammad Shafee: Anda ada tanya Najib, sekiranya itu benar?

Ahmad Husni: Ada insiden lain, serangan pertama terhadap anak lelaki saya, Khalid daripada Tun Faisal Ismail, ketika itu CEO (Ketua Pegawai Eksekutif) dan Pengerusi Lebuhraya Pantai Baru (NPE) yang juga pemegang konsesi lebuhraya itu. Minit mesyuarat dihadiri Khalid dibocorkan kepada Raja Petra dan dimuat naik ke Facebook. Dalam hantaran di Facebook, saya dikatakan marah dengan Najib kerana anak saya (Khalid) gagal mendapatkan projek bernilai RM2.7 juta. Hantaran Facebook itu kemudian dilaporkan *Utusan* (Malaysia) me-



rujuk kepada bekas menteri terbabit skandal.

Ahmad Husni berkata, beliau kemudian menghantar pesanan kepada Najib dan bertanya “Apa ini?”

Katanya, Najib membalas: “Bincang dengan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz (Ahli Parlimen Padang Rengas, Perak).

“Saya kemudian berbincang dengan Nazri dan keesokan harinya tiada lagi serangan,” katanya.

Dalam keterangannya, Ahmad Husni menafikan dakwaan tindakan itu menyebabkan beliau kecewa dan marah terhadap Najib.

“Saya tidak kecewa. Saya hidup untuk UMNO, malah setiap hari saya berdoa Allah membuka pintu hati Najib untuk melihat kebenaran. Saya tidak pernah marah dengan Najib kerana beliau hanyalah manusia biasa,” katanya.

Menjawab soalan apa yang berlaku kepada projek membabitkan anaknya, Ahmad Husni berkata, akibat penulisan Raja Petra, Khalid kemudian diberhentikan kerja.

Sementara itu, pada sesi pemeriksaan semula dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Izzat Fauzan, Ahmad Husni berkata, antara sebab beliau meletakkan jawatan pada 2016 kerana bekas CEO 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Aral Kanda Kandasamy, tidak

mengikuti pelan rasionalisasi syarikat itu.

“Saya letak jawatan kerana pada pendapat saya, Aral Kanda (ketika itu) tidak mengikuti pelan rasionalisasi 1MDB. Pelan itu termasuk menjual sejumlah aset 1MDB, namun masih mengekalkan pegangan.

“Aset itu termasuk Bandar Malaysia, projek pembangunan mega, Tun Razak Exchange (TRX) dan Edra Power Holding Sdn Bhd,” katanya.

Ahmad Husni berkata, arahan untuk mencari penyelesaian hutang 1MDB diberikan Najib yang ketika itu Perdana Menteri.

Menceritakan lanjut mengenai bagaimana beliau meletakkan jawatan sebagai menteri, Ahmad Husni berkata beliau mendapat ilham untuk berbuat demikian selepas pulang dari Makkah.

“Saya berdoa di hadapan Kaabah, saya menangis... selepas balik dari Makkah saya dapat ilham untuk berhenti daripada jawatan Menteri,” katanya.

Ahmad Husni, yang memegang jawatan Menteri Kewangan II dari tahun 2009 hingga 27 Jun 2016, berkata hasratnya untuk meletakkan jawatan sudah setahun difikirkan, bagaimanapun beliau berhasrat untuk menyelesaikan Pelan Rasionalisasi 1MDB bagi melangsangkan masalah hutang syarikat itu.

Menurut Ahmad Husni, Najib memintanya menyediakan pelaksanaan pelan rasionalisasi terbabit.

“Ini saya nak cerita, ketika saya transit di Istanbul, di sinilah pelan rasionalisasi disiapkan. Saya buat pelari rasionalisasi pada telefon bimbit saja.